

BAB LIMA

KESIMPULAN

Perbincangan dalam bab ini terbahagi kepada dua aspek. Pertama; rumusan dapatan daripada kajian yang dilakukan. Kedua; saranan yang dicadangkan untuk kajian-kajian akan datang yang khusus menyentuh sama ada perbahasan kajian teks al-Juwaynī atau isu ketuhanan.

5.1 RUMUSAN

Bagi seorang Muslim, apabila disebut tentang ilmu Tauhid, Uṣūl al-Dīn atau Ilmu Kalam perkara utama sekali yang berlegar di ruang fikirannya tentulah berhubung dengan *Ilāhiyyāt* di samping persoalan *Nubuwwāt* dan *Sam‘iyyāt*. Ini kerana persoalan ketuhanan merupakan persoalan asasi yang menunjangi pokok keimanan seseorang Muslim. Dalam menggambarkan konsep ketuhanan dan membahaskannya, al-Juwaynī telah menggunakan metodologi Imām Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī yang akhirnya membentuk suatu konsep ketuhanan yang diterima umum oleh kaum Muslimin ekoran keutuhan manhajnya yang berteraskan akli dan naqli, di samping kewibawaan tokoh-tokoh dalam madrasah Ashā‘irah memperjelaskan ajaran Islam dan mempertahankannya menerusi manhaj ini. Al-Juwaynī sebagaimana yang dimaklumi, adalah di antara tokoh Ashā‘irah yang berwibawa dalam membahas dan mempertahankan konsep ketuhanan ini. Lapangan Ilmu Kalam telah menyerlahkan ketokohan dan kepakaran beliau di samping bidang-bidang yang lain.

Berdasarkan objektif kajian pertama iaitu mengenengahkan pengenalan dan ketokohan Imām al-Juwaynī, penulis mengutip laporan dan penyelidikan daripada para sarjana dan pengkaji dahulu dan kini yang berwibawa dalam memperkatakan tentang al-Juwaynī.

Daripada laporan-laporan tersebut, al-Juwaynī dilahirkan dalam keluarga ulama yang sangat menitik beratkan tentang ilmu. Malah bumi kelahiran beliau, Naysābūr adalah bumi yang sangat subur dan masyhur dengan tradisi keilmuan Islam. Berdasarkan faktor-faktor ini, maka tidak hairanlah beliau terdedah dengan pendidikan ilmu-ilmu Islam yang secukupnya di samping kecerdasan akal beliau yang sangat mengagumkan yang melayakkannya menguasai kesemua ilmu-ilmu yang dipelajari dengan begitu cemerlang sekali. Oleh itu tidak hairanlah selepas kewafatan bapanya sebagai mahaguru di madrasah bapanya, kekosongan itu diisi oleh beliau meskipun ketika itu umur beliau belum mencecah 20 tahun. Selain bapanya sebagai guru pertama dan utama, beliau juga mengutip ilmu daripada guru-guru yang berada di Naisabur di antara yang terkemuka ialah seperti al-Isfarāyīnī, al-Bayhaqī dan al-Khabbāzī. Sebagaimana tokoh-tokoh ilmuwan yang lain, al-Juwaynī turut memberikan sumbangan dalam bidang penulisan. Beliau boleh dianggap antara ilmuwan prolific dengan menghasilkan karya-karya dalam pelbagai lapangan antaranya Uṣūl al-Fiqh, Uṣūl al-Dīn, al-Fiqh, al-Khilāf, al-Jadal dan lain-lain. Karya-karya utama beliau dalam bidang Ilmu Kalam adalah seperti *al-Shāmil*, *al-Irshād*, *Luma' al-Adillah* dan *al-'Aqīdah al-Nizāmiyyah*.

Dari sudut sumbangan kepada perkembangan Ilmu Kalam khususnya dalam madrasah Ashā'irah, al-Juwaynī dianggap tokoh yang proaktif dalam menginovasi metodologi perbahasan Kalam. Pendirian ini diambil ekoran perkembangan dan perubahan

zaman yang memerlukan pengolahan dan ijtihad yang berani agar aliran Ashā‘irah mampu mendepani cabaran dan terus relevan. Perbahasan ketuhanan yang menyentuh persoalan Sifat Allah antaranya mengaplikasi konsep takwil dalam perbahasan sifat *khabariyyah* bawaan Muktaẓilah serta mengadaptasi konsep *Aḥwāl* cetusan al-Jubbāī, adalah antara rencah baru yang diperkenalkan dalam madrasah Ashā‘irah ketika itu. Hasilnya, usaha beliau membangunkan aliran Ashā‘irah dengan asas pemikiran yang kukuh dan logik yang lebih utuh, telah melayakkan beliau dinobatkan oleh para sarjana sebagai ‘pembina aliran Ashā‘irah generasi baru’. Ketokohan dan kewibawaan al-Juwaynī dalam bidang keintelektualan telah memberi kesan bukan hanya kepada perkembangan Ilmu Kalam malah turut mewarnai keperibadian, keilmuan dan jalur pemikiran generasi Ashā‘irah selepas beliau. Ini termasuk anak didik beliau sendiri al-Ghazzālī, yang kecenderungan beliau dalam mendalami Ilmu Kalam, falsafah dan mantiq banyak didorong oleh al-Juwaynī. Hasilnya, al-Ghazzālī menjadi tokoh yang tiada tandingannya di persada ini, hingga melayakkan dirinya digelar sebagai *Hujjah al-Islām*.

Berdasarkan objektif kedua pula iaitu menyelidiki dan menganalisis pemikiran Kalam al-Juwaynī berfokus kepada beberapa persoalan berkaitan ketuhanan, penulis membentangkan perbahasan ketuhanan al-Juwaynī yang dibahagikan kepada dua bahagian.

Pertama; berhubung perbahasan alam dan bukti-bukti kebaruannya. Berdasarkan penelitian terhadap perbahasan al-Juwaynī berhubung topik ini, faktor pendorong beliau dan juga para mutakallimun memberi keutamaan kepada perbahasan ini adalah didorong oleh kegiatan aliran falsafah yang mendakwa alam ini qadim, tiada awal bagi kewujudannya dan ia tidak dimulakan dengan sesuatu dan seumpamanya. Doktrin ini telah menggagaskan dua gagasan utama iaitu pertama, mengangkat ‘alam semulajadi’ (*al-*

ṭabi‘ah) selaku penentu dan pelaku. Gagasan ini diwakili oleh failasuf tabii atau *Ṭabi‘iyyūn*. Manakala gagasan kedua pula, mengeneipkan penentu alam sebagai *Fā‘il Mukhtār* lantas mewatakkkan tuhan bagi alam semesta ini adalah ‘*illah* yang bertindak selaku penentu kewujudan *ma‘lūl* tanpa memerlukan penentu yang bebas memilih. Tuhan menerusi konsep ‘*illah ma‘lūl* ini, ditafsirkan bahawa alam itu wujud secara bersekali dan serta merta bersama tuhan sebagaimana konsep terbitnya *ma‘lūl* daripada ‘*illah*. Gagasan ini mendokongi aliran falsafah Yunani klasik yang dikenali dengan falasifah *Awā‘il*.

Sehubungan dengan itu, al-Juwaynī meletakkan keutamaan perbahasan alam dan kebaruannya bagi menatijahkan pensabitan kewujudan Pencipta serta menafikan segala gagasan yang meletakkan alam ini sebagai qadim, setara dengan kewujudan Allah yang qadim. Untuk tujuan tersebut beliau telah mengemukakan dua gaya pendalilan iaitu pendekatan konsep *Jawhar Fard* dan dalil *Harus dan Mumkin*. Konsep *Jawhar Fard* yang diperkenalkan adalah bermatlamat untuk mempertahankan akidah Islam yang menyabitkan keluasan Qudrah Allah yang tidak terbatas, berkuasa atas segala-galanya termasuk membahagi-bahagikan objek atau jisim hingga ke tahap akhir iaitu ke tahap tidak boleh dibahagikan dan dipecah-pecahkan lagi. Semuanya ini bagi menolak alasan golongan falasifah yang menyatakan bahawa *juzu`-juzu`* alam itu berkembang tanpa had terakhir hingga menjurus kepada keqidaman alam. Menerusi konsep dalil *Harus dan Mumkin* pula, ia menjelaskan sifat Pencipta yang bebas memilih yang didahului dengan *IradahNya*, yang bertitik tolak daripada sesuatu yang tiada. Oleh kerana itu, kejadian alam ini harus wujud atau tiada, menjustificasikan kebaruannya alam yang bergantung secara mutlak kepada *Iradah Allah* sebagai *Fā‘il Mukhtār*.

Kedua; sifat-sifat Allah dan pembahagiannya. Menerusi perbincangan ini al-Juwaynī membahagi sifat-sifat Allah kepada sifat yang wajib bagi Allah, sifat yang mustahil bagi Allah dan perkara yang harus bagi Allah. Menyentuh tentang pembahagian sifat yang wajib bagi Allah, al-Juwaynī mempunyai pendekatan yang tersendiri dalam pembahagian sifat Allah. Secara umumnya, beliau membahagikannya kepada dua sifat utama iaitu *nafsiyyah* dan *ma'nawiyyah*. Beliau menyenaraikan lima sifat dibawahnya iaitu, sifat *al-Qidam*, *al-Baqā`*, *al-Qiyām bi al-Nafs*, *al-Mukhālafah li al-Ḥawādith* dan *al-Waḥdāniyyah*. Senarai sifat *nafsiyyah* ini jauh berbeza berbanding susunan pembahagian sifat oleh Ashā'irah angkatan baru, yang menggolongkan sifat *Wujūd* sahaja sebagai sifat *nafsiyyah*, sedangkan al-Juwaynī tidak menganggap *Wujūd* sebagai sifat, tetapi sebagai Diri Zat (*nafs al-Dhāt*), sama seperti pendirian al-Ash'arī. Dalam perbincangan tentang sifat *ma'nawiyyah* pula tiada perbezaan antara beliau dan Ashā'irah kerana masing-masing sepakat menyenaraikannya kepada tujuh sifat iaitu, '*Ālim*, *Murīd*, *Qādir*, *Ḥayy*, *Samī'*, *Baṣīr* dan *Mutakallim*. Adapun berhubung sifat *ma'ānī*; seperti yang diistilahkan oleh Ashā'irah menerusi metodologi ketuhanan mereka yang jumlahnya tujuh sifat juga, meskipun tidak dinyatakan oleh al-Juwaynī, beliau pada dasarnya telah pun mensabitkannya secara langsung, umpamanya apabila mengiktibarkan Allah sebagai Zat yang maha Mengetahui (*Ālim*) dengan sifat Ilmu yang ada pada Zat. Justeru, beliau menyabitkan sifat Ilmu; yakni sifat *ma'ānī* tanpa perlu diasingkan dan diberi istilah khusus. Oleh itu, melalui penelitian yang diperolehi daripada perbincangan sifat yang wajib ini, al-Juwaynī dilihat telah menyentuh dan membahaskannya sebanyak dua puluh sifat. Daripada pembahagian ini maka para Ashā'irah selepasnya menyaring, merombak dan menyusun atur semula perbincangan ini hingga menjadi sebuah metodologi perbincangan Sifat Dua Puluh.

Manakala sifat yang mustahil bagi Allah beliau meletakkan suatu konsep umum bahawa Allah SWT itu maha suci dari sebarang unsur kebaharuan dan kekurangan. Konsep ini pula berasaskan kepada dua prinsip iaitu pertama, bahawa Allah tidak *berjihah*, tidak bertempat dan tidak terbatas kepada had ukuran tertentu. Prinsip ini sangat ditekankan bagi menyanggah aliran pemikiran yang tidak memahami nas-nas syara' dengan sebenarnya atau mengambilnya secara zahir sahaja. Oleh kerana itu, sebarang nas-nas syara' yang bersifat *mutashābihāt* ditakwil menurut disiplin dan laras bahasa Arab yang diguna pakai secara meluas sebagai langkah berwaspada bagi mengelak kekeliruan, kesamaran dan keraguan masyarakat umum berhubung nas tersebut. Manakala prinsip kedua pula, beliau menegaskan bahawa Allah SWT hendaklah suci dan bebas dari sebarang perkaitan dengan perkara yang baharu. Ini tiada lain hanyalah penegasan bahawa sifat Allah Ta'ala itu semestilah menyalahi daripada perkara yang baharu (*Mukhālafah Ta'ālā li al-Hawādith*).

Selanjutnya berhubung perkara-perkara yang harus bagi Allah, dalam kajian ini hanya dinyatakan satu perkara sahaja, bersesuaian dengan apa yang dibahaskan dalam teks *Luma' al-Adillah*, iaitu *Ru'yah Allah*. Isu keharusan melihat Allah menimbulkan polemik antara Muktaẓilah yang menolak keharusannya, dengan al-Juwaynī dan Ahl al-Haq yang mensabitkannya tanpa sebarang khilaf. Dalil-dalil yang menyabitkan *Ru'yah Allah* adalah merujuk kepada dua dalil utama iaitu dalil secara akli dan naqli. Menerusi dalil akli, *Ru'yah Allah* disabitkan dengan dalil wujud. Allah SWT itu wujud. Setiap yang wujud tidak mustahil untuk dilihat. Apa yang mustahil untuk dilihat adalah jika perkara itu tiada (*ma'dūm*). Manakala dalil naqli pula, ia merujuk kepada ayat 22-23 daripada surah *al-Qiyāmah* yang secara jelas menyatakan bahawa orang-orang yang beriman akan melihat Allah SWT di syurga pada hari akhirat nanti. Di samping itu menerusi surah *al-An'ām* ayat

103 dan surah *al-A'raf* ayat 143 ia mengukuhkan lagi pendalilan aliran Ashā'irah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dalam menyabitkan *Ru'yah Allah*.

Manakala bagi objektif ketiga iaitu mengemukakan terjemahan Melayu kitab *Luma' al-Adillah* bahagian ketuhanan, dari segi isi kandungannya dapat dirumuskan bahawa al-Juwaynī berjaya menjelaskan persoalan ketuhanan dan merungkaikan permasalahan yang timbul berhubung isu tersebut dengan baik sekali. Kesemua huraian pegangan akidah Ashā'irah telah dikukuhkan dengan dalil-dalil naqli serta hujah dan burhan akli meskipun secara ringkas tetapi padat dan sangat sesuai dijadikan rujukan para pengkaji dan penyelidik tidak ketinggalan juga kepada masyarakat awam yang meminati bacaan-bacaan yang berwacana tinggi. Dari sudut terjemahan pula, penterjemah sedaya upaya berusaha mengekalkan keunikan laras bahasa pengarang di samping tidak mengabaikan gaya persembahan dalam bahasa Melayu agar terjemahan ini boleh difahami dengan sebaik mungkin. Penterjemah juga membuat serba sedikit susun atur perenggan, meletakkan tanda-tanda, menamakan tajuk serta penomboran pada bab dan fasal, di samping beberapa huraian dan penjelasan ringkas kepada perkataan dan istilah yang dikira perlu di nota kaki bagi membantu para pembaca.

5.2 SARANAN

Setelah selesai membuat penelitian dan analisis jelas bahawa al-Juwayni memiliki kelebihan yang tersendiri dalam menghuraikan konsep ketuhanan dan mempertahankannya dengan gaya yang tersendiri berbanding mutakallimun lain. Kelebihan ini merujuk kepada penguasaan keilmuan dan maklumat berkait asas ketuhanan Ashā'irah serta idea-idea

pemikiran yang bercambah pada zamannya. Justeru, dikemukakan beberapa saranan dari kajian ini yang dapat dibahagikan kepada tiga.

Pertama; saranan berdasarkan kajian teks *Luma' al-Adillah* oleh al-Juwaynī. Penulis menyarankan agar karya-karya beliau dalam bidang Uṣūl al-Dīn yang lain dapat diterjemah dan dikaji dengan lebih luas lagi. Ini kerana al-Juwaynī hidup pada zaman yang memperlihatkan pertembungan nilai-nilai kesucian ajaran agama berhadapan dengan kerencaman aliran-aliran Kalam seperti Muktaẓilah, Mujassimah, Hashwiyyah, Syiah dan sebagainya. Ianya turut diwarnai dengan simpang siur ajaran-ajaran falsafah yang sangat rancu ekoran hampirnya zaman beliau dengan kegemilangan tokoh falsafah *Mashā'iyyah* Muslim seperti Ibn Sina yang menyanjungi falsafah Yunani Aristotle. Apa yang nyata idea-idea falsafah ketuhanan sama ada berasaskan falsafah Yunani kuno mahupun falsafah Islam telah bercampur baur dalam segelintir pemikiran ummah ketika itu. Menerusi karya-karya Ilmu Kalam al-Juwaynī, dapat dihidu dan dirasai betapa meluas dan segarnya nilai-nilai falsafah terutama dalam isu ketuhanan yang melanda ufuk pemikiran ummah seterusnya mengancam keutuhan akidah ketika itu yang cuba ditangani oleh beliau.

Oleh yang demikian, kajian ini menyarankan lanjutan kepada terjemahan dan kajian penulis terhadap isu *ilāhiyyāt* menerusi kitab *Luma' al-Adillah* ini, terjemahan dan kajian berasaskan teks karya-karya al-Juwaynī perlu diperluaskan dan diperhalusi berasaskan latar belakang dan zaman karya-karya beliau dikarang. Ini kerana isu ketuhanan adalah isu yang sabit. Di setiap zaman akan muncul wajah-wajah *ilḥad* dan aties menyodorkan idea di sebalik topeng falsafah bagi menghakis konsep *Rubūbiyyah* dan *Wahdāniyyah al-Ilah*. Justeru, al-Juwaynī telah menempuh dan mendepani aliran-aliran seperti *Dahriyyah* dan *Ṭabī'iyyah* yang seiras dengan falsafah sekular di era ini yang

mengertikan pandangan alam itu hanya merujuk kepada apa yang dialami oleh indera jasmani semata-mata tidak lebih dari itu. seterusnya melepas bebas insan dari sebarang keterikatan dengan agama dan metafizik. Di sinilah terletak pentingnya karya-karya al-Juwaynī untuk dimanfaatkan yang telah menguak permasalahan di zamannya. Karya-karya klasik beliau dalam Ilmu Kalam ini perlu dihidupkan semula sebagai cerminan untuk generasi hari ini.

Kedua; saranan dari sudut konsep *Ilāhiyyāt* yang menjadi topik perbahasan utama dalam kehidupan insani, di mana kajian ini menyarankan kepada pengkaji seterusnya agar membuat kajian secara mendalam berhubung perbandingan konsep ketuhanan menurut metode perbahasan Sifat Dua Puluh antara al-Juwaynī dan Ashā'irah angkatan baru. Beliau tersohor dianggap sebagai pendiri awal asas idea Sifat Dua Puluh ini yang kemudiannya telah mengalami perubahan dan variasi selepas daripada itu. Meskipun telah melalui beberapa perkembangan dan perubahan, metode ini masih diterima dan diberi penambahbaikan dari semasa ke semasa, menunjukkan ada kekuatan pada metode ini. Setakat maklumat diketahui penulis, kajian secara komprehensif dalam topik ini masih belum ditemui lagi. Aspek yang boleh disentuh menerusi kajian ini adalah apakah faktor utama pendekatan ini dikemukakan oleh al-Juwaynī, apakah kepentingan metodologi ini di zaman al-Juwaynī, bagaimanakah perkembangan, perubahan dan perbezaan antara al-Juwaynī dan tokoh-tokoh Ashā'irah angkatan baru, terutama al-Sanūsī yang mana menerusi penyusunan semulanya, perbahasan Sifat Dua Puluh menjadi lebih sistematik dan popular. Saranan ini menjadi lebih penting memandangkan metodologi Sifat Dua Puluh ini menjadi asas pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di Malaysia.

Ketiga; saranan dari sudut pendalilan dan penghujahan versi al-Juwaynī. Daripada penelitian, al-Juwaynī mengaplikasi penghujahan logik dalam perbahasan ketuhanan yang bersistematik, di samping menggabungkannya dengan penghujahan dalil naqli. Oleh yang demikian, kajian ini menyarankan agar kajian lanjutan bagi meneliti sejauh mana kekesanan Ilmu Mantik versi falsafah mempengaruhi al-Juwaynī dan zamannya di sekitar kurun ke 5 Hijrah, yang pada ketika itu secara umumnya para mutakallimun masih belum menerimanya. Adakah penghujahan al-Juwaynī masih memelihara gaya pendalilan *al-Jadaliyyah* (dialektik) yang di asaskan oleh al-Quran, atau serba sedikit sudah diresapi dan bernuansa mantik Aristotle, hasil interaksi beliau dengan falsafah dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya.

Jika ada, kajian ini penting bagi meneliti apakah topik dan perbahasan yang diadaptasi atau dimurnikan oleh beliau daripada mantik Aristotle yang dijadikan alat pendalilan dalam perbahasan ketuhanan beliau. Selanjutnya mungkin boleh dibuat pendedahan berhubung apakah sumber rujukan atau siapakah ahli falsafah yang sempat beliau berinteraksi dengannya sebagai sumber inspirasi.

Jika kajian-kajian sedemikian dapat direalisasikan, maka akan banyak ilmu dan maklumat tentang al-Juwaynī yang terpendam sekian lama, dapat digali serta dipugar semula untuk dimanfaatkan dan diwacanakan, bagi menyemarakkan pengkajian dan perbincangan ilmiah menerusi pemikiran beliau. Aktiviti sebegini lantas akan dapat meletakkan sumbangan beliau di persada keintelektualan sesuai dengan ketokohnya yang disanjung suatu ketika dahulu.

BIBLIOGRAFI

- ‘Abd al-‘Azīz al-Majdūb (2009), *al-Qāḍī Abū Bakr al-Bāqillānī wa Ārā`uh al-Kalāmiyyah wa al-Falsafīyyah*, Tūnus: Dār Suḥnūn
- ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1973), *al-Islām wa al-‘Aql*, Mesir: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah
- ‘Abd al-Rahmān Badawī (1943), *Aristū*, Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah
- _____ (1946), *Kharīf al-Fikr al-Yunānī*, c. 2, Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah
- _____ (1965), *al-Turāth al-Yunānī fi al-Ḥaḍārah al-Islāmiyyah*, c. 3. Kaherah: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah
- _____ (1996), *Madhāhib al-Islāmiyyin*, Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn
- A‘am, ‘Abd al-Amīr al- (1981), *al-Failasūf al-Ghazzālī*, c. 2. Beirut: Dār al-Andalus
- Abū Bakr bin Maymūn (1987), *Sharh al-Irsyad*, taḥqīq Ahmad Hijāzī Ahmad al-Saqā, Mesir: Maktabah al-Anjalū al-Miṣriyyah
- Abū Zahrah, Muhammad (t.t), *al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, Kaherah: Maktabah al-Adab wa Maṭba‘atuhā
- _____ (1980), *Tārīkh al-Jadal*, c. 2, Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī
- Afghānī, Jamāl al-Dīn al- (1947), *al-Rad ‘alā al-Dahriyyīn*, Kaherah: Muḥammad Fu`ad Manqarah al-Ṭarabulsī
- Ahmad Maḥmūd Ṣubḥī (1992) *Fī ‘Ilm al-Kalam: al-Mu’tazilah wa al-Ashā‘irah.*, Iskandariyyah: Mu`assasah al-Thaqāfah al-Jāmi‘iyyah
- _____ (1992) *Fī ‘Ilm al-Kalam: al-Ashā‘irah*, Iskandariyyah: Mu`assasah al-Thaqāfah al-Jāmi‘iyyah
- Ahmad Amin (1964) *Zuhr al-Islām*, c. 2, 4 j. Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah
- _____ (1973), *Ḍuḥā al-Islām*, c. 8, 3 j. Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah,
- Aḥmad Amīn dan Zakī Najīb (1970), *Qiṣṣah al-Falsafah al-Yunaniyyah*, c. 7, Kaherah: Maṭba‘ah Lajnah al-Ta`līf wa al-Tarjamah wa al-Nashr
- Ahmad Hanafi (2001), *Teologi Islam*, Jakarta: PT Bulan Bintang

- Ahwānī, Ahmad Fu`ad al- (1947), *Fī `Ālam al-Falsafah*, Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah
- _____ (1947), *Ma`ānī al-Falsafah*, Kaherah: Dār Ihyā` al-Kutub al-`Arabiyyah `Īsā al-Bābī al-Ḥalabī wa Shurakāh
- _____ (1985), *al-Falsafah al-Islāmiyyah*, T.T.P.: al-Hay`ah al-Miṣriyyah al-`Āmmah li al-Kutub
- al-Ījī (t.t) *al-Mawāqif fī `Ilm al-Kalām*, 3 j. T.T.P: Dār al-Ṭibā`ah al-`Āmirah
- Āmidī, `Alī bin Abū `Alī bin Muhammad bin Sālim al- (1971), *Ghāyah al-Marām fī `Ilm al-Kalām*, taḥqīq Ḥasan Maḥmūd `Abd al-Laṭīf, Kaherah: al-Majlis al-A`lā li al-Shu`ūn al-Islāmiyyah
- Andrian D. De Groot (1969), *Methodologi: Foundations Of Inference And Research In The Behavioural*, Belgium: T.P
- Ash`arī, Abū al-Ḥasan `Alī bin Ismā`īl al- (1344), *Risālah Istihsān al-Khawd fī `Ilm al-Kalām*, c. 2, Haydar Ābad: Maṭba`ah
- _____ (1969), *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*, Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah.
- _____ (1975), *Kitāb al-Luma` fī al-Rad `alā Ahl al-Zaygh wa al-Bida`*, taḥqīq Ḥamūdah Gharābah, Kaherah: al-Hay`ah al-`Āmmah li Shu`ūn al-Maṭābi` al-Amīriyyah
- _____ (1977), *al-Ibānah `an Uṣūl al-Diyānah*, taḥqīq Fawqīyyah Ḥusayn Maḥmūd, Kaherah: Dār al-Anṣār
- Asqalānī, Ahmad bin `Alī bin Ḥajar al- (1329) *Lisān al-Mīzān*, j. 2, Haydar Abad: Maṭba`ah Majlis Dāirah al-Ma`ārif al-Nizamiyyah al-Kainah
- Attas, Syed Muhammad Naquib al- (2007), *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia
- Baghdādī, `Abd al-Qadir bin Tahir bin Muhammad al- (t.t), *al-Farq bayna al-Firaq*, taḥqīq Muhammad Mahy al-Din `Abd al-Hamid, Kaherah: Dar al-Turath
- Baghdādī, Shihāb al-Dīn Abī `Abdullah Yāqūt bin `Abdullah al-Ḥamawī al-Rūmī al- (1955), *Mu`jam al-Buldān*, Beirut: Dār Ṣādir
- Bahī, Muhammad al- (1967), *al-Jānib al-Ilāhī min al-Tafkīr al-Falsafī*, c. 4, Kaherah: Dar al-Kātib al-`Arabi li al-Ṭibā`ah wa al-Nashr
- Bāqillānī, Abū Bakr Muhammad bin al-Ṭayyib bin Muhammad bin Ja`far bin al-Qāsim al- (1993), *al-Inṣāf fī ma Yajib I`tiqaduh wa la Yajuz al-Jahl bih*, taḥqīq Muhammad Zāhid al-Kawtharī, Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath,

- _____ (t.t), *al-Tamhīd fī al-Rad ‘alā al-Mulahhīdah al-Mu‘aṭṭilah wa al-Rāfīdah wa al-Khawārij wa al-Mu‘tazilah*, taḥqīq Muhammad ‘Abd al-Hādī Abū Rīdah dan Mahmūd Muhammad al-Khuḍīrī, Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī,
- Bayādī, Kamāl al-Dīn bin Ahmad al- (1949), *Ishārāt al-Marām min ‘Ibārāt al-Imām*, taḥqīq. Yūsuf ‘Abd al-Razzāq, Kaherah: Sharikah Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduh
- Bayjūrī, Ibrahim bin Muhammad al- (1939) *Tuḥfah al-Murīd ‘alā Jawharah al-Tawhid*. Diterbit bersama dengan Ibrahim al-Laqqānī, *Jawharah al-Tawḥīd*, Mesir: Maṭba‘ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabi wa Awlāduh,
- Būṭī, Muhammad Sa‘īd Ramaḍān al- (1997), *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah*, Dimashq: Dār al-Fikr
- Carra de Vaux (1959), *al-Ghazzālī*, ‘Ādil Zu‘ayrtar (terj.) Kaherah: Dār Iḥyā` al-Kutub al-‘Arabiyyah
- Charles Singer (1993), *Sejarah Ringkas Idea Saintifik Sehingga 1900*. Khidmat Terjemahan Nusantara Sdn. Bhd. (terj), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- De Boer, T.J (1957), *Tārīkh al-Falsafah fī al-Islām*. ‘Abd al-Hādī Abū Rīdah (terj.) Kaherah: Lajnah al-Ta`līf wa al-Tarjamah wa al-Nashr
- Dhahabī, Abū ‘Abdullah Muhammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān al- (2001), *Siyar A`lam al-Nubala`*, c. 11, Beirut: Muassasah al-Risālah, j. 18,
- Dusūkī, Muhammad bin Ahmad bin ‘Arafah al- (1939), *Ḥāshiyah ‘alā Sharḥ Um al-Barāhīn*. Diterbit bersama al-Sanusi, *Sharḥ Um al-Barāhīn*, Mesir: Maṭba‘ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabi wa Awlāduh
- Fārābī, Abū Naṣr Muhammad bin Muhammad al- (1907), *Ārā` Ahl al-Madīnah al-Faḍīlah*, c. 2, Mesir: Maṭba‘ah al-Taqaddum
- Fāṭimah Aḥmad Rif`at (1989), *Madhhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah wa Manzilatuhum fī al-Fikr al-Islāmī*, Iskandariyyah: Dār al-Ma`rifah al-Jāmi‘ah
- Fawqiyah Husayn Mahmud (t.t), *al-Juwaynī Imām al-Ḥaramayn*, Kaherah: al-Mu`assasah al-Miṣriyyah al-‘Āmah
- G. Anawati & Louis Gardet (1978), *Falsafah al-Fikr al-Dīnī bayna al-Islām wa al-Masīhiyyah*, Ṣubḥī al-Ṣālih dan Farīd Jabar (terj.), c. 2., 3 j. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn
- Ghazzālī, Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad al- (1947), *Tahāfut al-Falāsifah*, taḥqīq Sulaymān Dunyā, Kaherah: Maṭba‘ah Dār al-Iḥyā` al-Kutub al-‘Arabiyyah
- _____ (1991), *Penyelamat Dari Kesesatan*. AbdulFatah Haron Ibrahim (terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- _____ (1994), *al-Iqtisād fī al-I'tiqād*, Dimashq: al-Hikmah li al-Ṭibā'ah
- _____ (t.t), *al-Munqidh min al-Ḍalāl*, tahqiq 'Abd al-Halīm Maḥmūd, Mesir: Dār al-Kutub al-Hadīthah
- _____ (t.t), *Ihyā' Ulūm al-Dīn*, 5 j. Beirut: Dār al-Ma'rifah
- _____ (t.t), *Jawāhir al-Qurān*, Kaherah: Maktabah al-Jundi
- Ḥāmidī, Ismā'īl bin Mūsā bin Uthmān al- (1936), *Hawāsh 'alā Sharh al-Kubrā li al-Sanūsī*. Dicitak bersama Muhammad bin Yusuf al-Sanūsī, *'Umdah Ahl al-Tawfīq wa al-Tasdīd Sharh 'Aqīdah Ahl al-Tawhīd al-Kubrā*, Mesir: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh.
- Ḥamūdah Gharābah (1972), *Ibn Sīnā bayn al-Dīn wa al-Falsafah*, Kaherah: Maṭbū'āt Majma' al-Buhūth al-Islāmiyyah
- _____ (1973), *Abū al-Ḥasan al-Ash'arī*, Kaherah: al-Hay'ah al-'Āmmah li Shu'ūn al-Maṭābi' al-Amīriyyah
- Harun Nasution (2002), *Teologi Islam*, Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia
- Ḥasan Ibrahim Ḥasan (1965), *Tārīkh al-Islām: al-Siyāsī wa al-Dīnī wa al-Thaqāfī wa al-Ijtīmā'ī*, c. 6, 3 j., Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah
- Hilāl Nājī (1996), *al-Mu'jam al-Shāmil li al-Turāth al-'Arabī al-Maṭbū'* - al-Mustadrak 1 – 2 j. Kaherah: Ma'had al-Makhtūṭāt al-'Arabiyyah,
- Hoard E. Freeman And Clarence c. Sherwood (1970), *Social Research and Social Policy*, New Jersey: T.P
- Ibn 'Asākir, Abū al-Qāsim 'Alī bin al-Hasan bin Hibah Allah ibn 'Abdullah bin (t.t), *Tabyīn Kadhib al-Muftari*, tahqiq Muhammad Zāhid al-Kawtharī, Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth
- Ibn Abi al-'Iz (1399), *Sharḥ al-'Aqīdah al-Ṭahāwiyyah*, tahqiq Jamā'ah min al-'Ulamā', c. 5, Beirut: al-Maktab al-Islamī, h. 86.
- Ibn al-'Imād, Abū al-Falāḥ 'Abd al-Ḥayy bin (1979), *Shadharāt al-Dhahab fī Akhbār Man Dhahab*, j.3, c. 2, Beirut: Dār al-Masīrah
- Ibn al-Jawzī, Abū al-Faraj 'Abd al-Raḥmān bin (1976), *Daf'u Shubah al-Tashbīh bi Akuf al-Tanzīh fī al-Rad 'alā al-Mujassimah wa al-Mushabbihah*, tahqiq Muhammad Zāhid al-Kawtharī, Kaherah: al-Maktabah al-Tawfīqiyyah
- _____ (t.t), *al-Muntaẓam fī Tārīkh al-Muluk wa al-Umam*, T.T.: T.T.P
- Ibn Ḥazm, Abū Muhammad 'Alī bin Ahmad bin Sa'id bin (1347) *al-Fiṣal fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal*, Mesir: Maktabah Muhammad 'Alī Ṣabīḥ wa Awlādūh

- Ibn Himmām, Kamāl al-Din bin Muhammad bin (1347), *al-Musāyarah fī al-‘Aqā'id al-Manjiyyah fī al-Ākhirah*, Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Sa‘ādah
-
- (t.t), *al-Musāyarah fī al-‘Aqā'id al-Manjiyyah fī al-Ākhirah*, taḥqīq Maḥy al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd, Mesir: al-Matba‘ah al-Mahmūdiyyah al-Tijāriyyah
- Ibn Kathīr, ‘Imād al-Dīn Abī Fidā’ Ismā‘īl bin ‘Umar bin (1983), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, c. 5, Beirut: Maktabah al-Ma‘ārif
- Ibn Khaldūn, ‘Abd Rahmān bin Muhammad bin (1967), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, taḥqīq ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfī, c. 2, al-Munīrah: Lajnah al-Bayān al-‘Arabī
- Ibn Khillikān, Ahmad bin Ahmad bin Ibrahim bin Abi Bakr bin (1994), *Wafayāt al-A’yān wa Anbā’ al-Zamān*, j. 3, Beirut: Dār Ṣādir,
- Ibn Rushd, Abū al-Walīd Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin (1955), *Manāhij al-Adillah fī ‘Aqā'id al-Millah*, taḥqīq. Mahmūd Qāsim, Kaherah: Maktabah al-Anjalū al-Miṣriyyah
- Ibn Sīnā, Abū ‘Alī (1938), *al-Najāh*, Mesir: Maṭba‘ah al-Sa‘ādah
- Ibn Taghrī Bardī, Jamāl al-Dīn Abī al-Maḥāsīn Yūsuf bin (t.t.), *al-Nujūm al-Zāhirah fī Mulūk Miṣr wa al-Qāhirah*, j. 5, Kaherah: al-Muassasah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah
- Ibn Taymiyyah, Abu al-‘Abbas Ahmad bin ‘Abd al-Halim bin ‘Abd al-Salam bin (1979), *Kitāb al-Tawhīd*, taḥqīq Muhammad al-Sayyid al-Jalayand, “Muqaddimah ‘an Qadiyyah al-Tawhīd bayna al-Dīn wa al-Falsafah” c. 2, Kaherah: Matba‘ah al-Taqaddum,
- Ibrahim Abu Bakar (1994), *Spektrum Falsafah Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
-
- (2001), *Ilmu Kalam Paucis Verbis*, Selangor: Karisma Publications Sdn Bhd
- Ibrahīm Madkūr (1947), *Fī al-Falsafah al-Islamiyyah: Manhaj wa Taṭbīquh*, Kaherah: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah
- Ignaz Golziher (1946), *al-‘Aqidah wa al-Syari‘ah fī al-Islam*, Kaherah: al-Dar al-Kitab al-Misri, ter. Muhammad Yusuf Musa.
- Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metod Sejarah Pendidikan, Arti dan Metod Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta T.P
- Isfarāyīnī, Abū al-Muẓaffir al- (t.t), *al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyyah ‘an al-Firaq al-Hālikīn*, taḥqīq Muhammad Zāhid al-Kawtharī, Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth
- Jabbār, al-Qāḍī Abū al-Ḥasan ‘Abd al- (1962), *al-Mughnī fī Abwāb al-Tawhīd wa al-‘Adl*, taḥqīq G. Anawati, 10 j. Kaherah: al-Mu`assasah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah

- Jalāl Muhammad Mūsā (1982), *Nash`ah al-Ash`ariyyah wa Taṭawwuruhā*, Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnānī
- Jāmī, Muhammad Amān bin `Alī al- (t.t), *al-Ṣiḡāt al-Ilāhiyyah fī al-Kitāb wa al-Sunnah fi Daw` al-Ithbāt wa al-Tanzīh*, Kaherah: Dār al-Ḥaramayn li al-Ṭibā`ah
- Jonathan Barnes (1982) *The Presocratis Philosophers*, C. 2, London: Routledge & Kegan Paul Ltd
- Jurjānī, al-Sayyid al-Sharīf bin `Alī bin Muhammad al- (1990) *Kitāb al-Ta`rīfāt*, Beirut: Maktabah Lubnan
- _____ (t.t), *Sharh al-Mawāqif fī `Ilm al-Kalām*, 1 j., tahqiq Ahmad al-Mahdi, T.T: T.T.P,
- Juwaynī, Abū al-Ma`ālī `Abd al-Malik bin `Abdullah bin Yūsuf al- (1950), *al-Irshād ilā Qawāṭi` al-Adillah fī Uṣūl al-`Itiqād*, tahqiq Muhammad Yūsuf Mūsā dan `Alī `Abd al-Mun`im `Abd al-Ḥamīd, Mesir: Maktabah al-Khānījī
- _____ (1965), *Luma` al-Adillah fī Qawā`id Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah*, tahqiq Fawqiyah Husayn Mahmud, Kaherah: al-Mu`assasah al-Miṣriyyah al-`Āmmah
- _____ (1969), *al-Shāmil fī Uṣūl al-Dīn*, tahqiq `Alī Sāmī al-Nashshār, Fayṣal Badīr `Uwn dan Suhīr Muhammad Mukhtār, al-Iskandariyyah: Mansha`ah al-Ma`ārif
- _____ (1401), *Ghiyāth al-Umam fi Iltiyāth al-Ḍulm*, tahqiq `Abd al-Azīm al-Dīb, C. 2. Mesir: al-Maktabat al-Kubra.
- _____ (1992), *al-`Aqīdah al-Nizāmiyyah fī al-Arkān al-Islāmiyyah*, tahqiq Muhammad Zāhid al-Kawtharī, Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth
- Kalanbawī, Ismā`īl al- (1317) *Ḥāshiyah al-Kalanbawī `alā Sharḥ Jalāl al-Dīn al-Diwānī `alā al-`Aqā`id al-`Aḍdiyyah*, 2. j, Darsa`ādat: Maṭba`ah Uthmāniyyah
- Khawārizmī, Abū `Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Yūsuf al- (1930), *Mafātīḥ al-`Ulūm*, T.T.P.: T.P
- Laqqānī, `Abd al-Salām bin Ibrāhīm al- (1955), *Ithāf al-Murīd bi Jawharah al-Tawhīd*. Dicitak bersama Maḥy al-Dīn `Abd al-Ḥamīd, *al-Nizam al-Farid bi Tahqiq Jawharah al-Tawhid*, c. 2, Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā
- Mahmūd Qāsim (1969), *Ibn Rushd wa Falsafatuh al-Dīniyyah*, c. 3, Kaherah: Maktabah al-Anjalū al-Miṣriyyah
- Majid Fakhry (1970), *A History of Islamic Philosophy*, New York: Columbia University Press

- Maklātī, Abū al-Ḥajjāj Yūsuf bin Muhammad al- (1977), *Kitāb Lubāb al-‘Uqūl fī al-Rad ‘alā al-Falāsifah fī ‘Ilm al-Uṣūl*, tahqīq. Fawqīyyah Hussayn Mahmūd, Kaheerah: Dār al-Anṣār
- Māturīdī, Abū Manṣūr al- (t.t), *Kitāb al-Tawhīd*, tahqīq. Fath Allah Khalif, al-Iskandariyyah: Dār al-Jāmi’āt al-Miṣriyyah,
- Mohammad Hatta (1982), *Alam Fikiran Yunani*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Nor bin Ngah (1983), *Kitab Jawi: Islamic Thought of The Malay Muslim Scholars*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies
- Mohd Radhi Ibrahim & Rawiyah Mohd Junoh (2003), “Risālah fī al-Istiḥsān al-Khawḍ fī ‘Ilm al-Kalām Karangan Imām al-‘Ash’arī: Terjemahan Teks”, *Afkār – Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, Bil. 4, Mei 2003, 1-28.
- Mohd Sulaiman Yasin (1997), *Ahlis-Sunnah wal-Jama’ah*, Selangor: Yayasan Salman
- Mohd. Fauzi Hamat (2009), “Asas-Asas Utama Dalam Pemikiran Islam”, dalam Abdul Karim Ali *et al.*(ed), *Islam Liberal Isu dan Cabaran*. Selangor: Persatuan Ulama’ Malaysia
- Mohd. Yusof Hj. Othman (2009), *Sains dan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mu’tiq, ‘Awaḍ bin ‘Abdullah al- (1996) *al-Mu’tazilah Uṣūluhum al-Khamsah wa Mawqif Ahl al-Sunnah minhā*, c. 3, al-Riyāḍ: Maktabah al-Rushd
- Mu`assasah al-Balāgh (1987), *al-Fikr al-Islamī*, Tehran: Mu`assasah al-Balāgh
- Muhammad ‘Abd al-Hadi Abū Rīdah (1989), *Ibrahim bin Sayyār al-Nazzām wa Ārā’uh al-Kalāmiyyah al-Falsafīyyah*, c. 2, Kaheerah: Dar al-Nadīm
- Muhammad ‘Abduh (1387) *Risālah al-Tawhīd*, c. 13, Kaheerah: Dār al-Manār, h. 39
- Muhammad ‘Īsā Ṣālihiyyah (1993), *al-Mu’jam al-Shāmil li al-Turāth al-‘Arabī al-Maṭbū’*,5 j. Kaheerah: Ma’had al-Makhṭūṭāt al-‘Arabīyyah
- Muhammad Abdul Quasem (1987), *Mutiara al-Quran Imam al-Ghazali*. Abdul Rahman Rukaini (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad bin ‘Alī Uthmān Ḥarbī (1986), *Imām al-Ḥaramayn Abū al-Ma’ālī al-Juwaynī wa Āthāruh fī ‘Ilm al-Kalām*, Beirut: ‘Ālam al-Kutub.
- Muhammad Bīṣār (t.t), *Fī Falsafah Ibn Rushd al-Wujūd wa al-Khulūd*, c. 2, Mesir: Dār al-Kitāb al-‘Arabī
- Muhammad Ghallāb (1938), *al-Falsafah al-Ighrīqiyyah*, 2 j. T.T.P: T.P

- _____ (1966), *Yanābi' al-Fikr al-Falsafī fī al-Islām*, Kaherah: al-Majlis al-A'lā li al-Shu'ūn al-Islāmiyyah.
- Muhammad Jalāl Sharaf (1989), *Allah wa al-Ālam wa al-Insān fī al-Fikr al-Islāmī*, Iskandariyyah: Dar al-Ma'rifah al-Jāmi'iyyah
- Muhammad Ramzi Omar (2008), *Ilmu Sifat 20 & Perbahasan Rukun Iman*, Kuala Lumpur: Sinar Media Services
- Muhammad Yūsuf Mūsā (1958), *al-Qur`ān wa al-Falsafah*, Kaherah: Dār al-Ma'ārif
- Muṣṭafā 'Imran (2009) *al-Sadād fī al-Irshād ilā al-Iqtisād fī al-I'tiqād*, Kaherah: Dār al-Başāir
- Mustafa 'Imrān (2009) *al-Sadād fī al-Irsyād ila al-Iqtisād fī al-I'tiqād*, Kaherah: Dār al-Başā'ir
- Mutī'ī, Sheikh Muḥammad Bikhīt al- (t.t), *Farā'id al-Lālī min Rasā'il al-Ghazzālī*. Diterbit bersama dengan al-Ghazzālī, *Kitāb Raudah al-Ṭālibīn wa 'Umdah al-Sālikīn, Mi'raj al-Salikin* dan *Minhaj al-'Arifin* Kaherah: Maṭba'ah al-Sa'ādah.
- Nashshār, 'Alī Sāmī al- (1966), *Manāhij al-Baḥth 'ind Mufakkiri al-Islām*, Kaherah: Dār al-Ma'ārif
- _____ (1966), *Nash`ah al-Fikr al-Falsafī fī al-Islām*, c. 4, Kaherah: Dār al-Ma'ārif
- Nida (1969), *The Theory and Practice of Translation*, Leiden: E.J Brill
- Noresah bt. Baharom (1994), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Osman Bakar (1997), *Islam and Civilizational Dialogue: The Quest for A Truly Universal Civilization*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press
- Osman Hj. Khalid (2006), *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan – al-Mu'jam al-'Arabī al-Malayūwī al-Kabīr* – Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (2000), *al-Juwaynī.. Imām al-Haramayn Bayna al-Muarrikhayn: al-Dhahabī wa al-Subkī*, Kaherah: Maktabah Wahbah,
- Qūdah, al-Shaykh Nuḥ 'Ali Sulaymān al- (1999), *al-Mukhtaṣar al-Mufīd fī Sharh Jawharah al-Tawhīd*, 'Ammān: Dār al-Rāzi
- Qūṣī, 'Abd al-Fudayl al- (2006) *Hawāmish alā al-'Aqīdah al-Nizāmiyyah li Imām al-Ḥaramayn al-Juwaynī*, c. 2, Mesir: Maktabah al-Imān.
- Rayyān, Muhammad 'Alī Abū al- (1973), *Tārikh al-Fikr al-Falsafī fī al-Islām*, al-Iskandariyyah: Dār al-Jāmi'āt al-Miṣriyyah

- _____ (1974), *Tārikh al-Fikr al-Falsafī Aristū wa al-Madāris al-Muta`akhhirah*, c. 4, Kaherah: al-Hay`ah al-Miṣriyyah al-`Āmmah li al-Kitāb
- Rāzī, Abū `Abdullah Muhammad bin `Umar bin al-Ḥusayn bin `Alī Fakh al-Dīn al- (t.t), *al-Taḥṣīn al-Kabīr*, 32 juz. Beirut: Dār Iḥyā` al-Turāth al-`Arabī
- _____ (1978), *I'tiqādāt Firaq al-Muslimīn wa al-Mushrikīn*. Dicitak bersama Ṭāhā `Abd al-Ra`ūf Sa`d dan Muṣṭafā al-Huwārī, *al-Murshid al-Amīn ilā I'tiqādāt Firaq al-Muslimīn wa al-Mushrikīn* Kaherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah
- _____ (1986), *al-Arba`ūn fī Usūl al-Dīn*, 2 j. Kaherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah
- _____ (t.t), *Ma`ālim Uṣūl al-Dīn*, taḥqiq. Ṭāhā `Abd al-Ra`ūf Sa`d, Kaherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah,
- Rāziq, Muṣṭafā `Abd al- (1959), *Tamhīd li Tārikh al-Falsafah al-Islāmiyyah*, c. 3, Kaherah: Lajnah al-Ta`līf wa al-Tarjamah wa al-Nashr
- S. Pines (1946), *Mazhab al-Zarrah `inda al-Muslimīn wa `Alaqatuhu bi Mazahib al-Yunan wa al-Hunud*, Muhammad `Abd al-Hadi Abu Ridah (terj.) Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah
- Sāmī Naṣr Luṭf (1978), *Fikrah al-Jawhar fī al-Fikr al-Islāmī*, T.T.P.: Maktabah al-Ḥurriyyah al-Ḥadīthah
- Ṣan`ānī, Muhammad ibn Ibrāhīm al-Wazīr al-Ḥusnī al- (1349), *Tarjīḥ Asālīb al-Qurān `alā Asālīb al-Yunān*, Kaherah: Matba`ah al-Ma`āhid
- Shāfi`ī, Ḥasan al- (t.t), *al-Tayyār al-Masha`ī fī al-Falsafah al-Islāmiyyah*, T.T.P.: T.P.
- Shahrastānī, Abū al-Faṭḥ Muhammad `Abd al-Karīm ibn Abī Bakr Aḥmad al- (t.t), *al-Milal wa al-Niḥal*, taḥqiq `Abd al-`Azīz Muhammad al-Wakīl, Kaherah: Muaassasah al-Ḥalabī wa Shurakāh li al-Nashr wa al-Tawzī`
- Shīrāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin `Alī bin Yūsuf al- (1999), *al-Ishārah ilā Madhhab Ahl al-Ḥaq*, taḥqiq: Muhammad al-Sayyid al-Jalayand, Kaherah: al-Majlis al-A`lā li al-Shu`ūn al-Islāmiyyah
- Sidi Gazalba (1974), *Sistematika Filsafat Pengantar Kepada: Dunia Filsafat Teori Pengetahuan, Metafizika, Teori Nilai*, Kuala Lumpur: Utusan Malayu (M) Berhad.
- Su`aydī, `Abd al-Muta`āl al- (t.t), *al-Wasīd fī Tarikh al-Falsafah al-Islāmiyyah*, Kaherah: Maktabah al-Jāmi`ah al-Azhāriyyah
- Subkī, Tāj al-Dīn Abī Naṣr `Abd al-Wahhāb ibn Taqī al-Dīn al- (1324), *Ṭabaqāt al-Shāfi`iyyah al-Kubrā*, Kaherah: T.P
- Suhir Muhammad Mukhtār (1971), *al-Tajsim `ind al-Muslimīn `Madhab al-Karāmiyyah*, Mesir: Shirkah al-Iskandariyyah li al-Ṭibā`ah wa al-Nashr

- Sulaymān Dunyā (1967), *al-Taḥkīm al-Falsafī al-Islāmī*, Mesir: Maktabah al-Khānījī
- Ṭāhā al-Dusūkī Habīshī (t.t) *al-Jānīb al-Ilāhī fī Fikr al-Ghazzālī*, Kaherah: Maṭba'ah Rashwān,
- Ṭawīl, Tawfīq al- (t.t.), *Qissah al-Nizā' bayn al-Dīn wa al-Falsafah*, Mesir: Maktabah al-Ādab
- Tsuroya Kiswati (2002), *Al-Juwaini Peletak Dasar Teologi Rasional Dalam Islam*, Jakarta: Penerbit Erlangga
- ‘Umar Farrūkh (1960), *al-‘Arab wa al-Falsafah al-Yunānniyah*, Beirut: al-Maktab al-Tijārī
- Wan Fuad Wan Hassan (1996), *Ringkasan Sejarah Sains*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, “Asal-Usul. Pengaruh dan Kesan Aliran al-Asy’ari dan al-Asya’irah di Malaysia dan Kepulauan Melayu”, *Jurnal Malaysia dari Segi Sejarah*, Bil. 22, 1994, 84-106.
- Will Durant (t.t.) *Qiṣṣah al-Falsafah*, c. 6, Beirut: Maktabah al-Ma‘ārif
- Yahyā Hāshim Hasan Faraghl (1972), *‘Awāmīl wa Ahdāf Nash’ah ‘Ilm al-Kalām fī al-Islām*, Kaherah: Maṭbū‘āt Majma’ al-Buḥūth al-Islāmiyyah
- Yazjī, Kamal al- (1979), *Ma’ālim al-Fikr al-‘Arabī*, Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn
- Yūsuf Karam (1946), *Tārīkh al-Falsafah al-Yunāniyyah*, Kaherah: Maṭba'ah Lajnah al-Ta`lif wa al-Tarjamah wa al-Nashr
- Zarkān, Muhammad Ṣālih al- (t.t) *Fakhr al-Dīn al-Rāzī wa Ārā`uh al-Kalāmiyyah wa al-Falsafah*, TTP: Dār al-Fikr
- Zarkashī, Badr al-Dīn Muhammad bin ‘Abdullah al- (t.t), *al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qurān*, tahqīq Muhammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm, c. 2, Beirut: Dār al-Ma’rifah
- Zuhaylī, Muhammad al- (1986), *al-Imām al-Ḥaramayn Imām al-Juwaynī*, Dimashq: Dār al-Qalam.